

PM ajak rakyat tingkat usaha

BH- 11/1/2007.

Abdullah yakin profesional muda mampu bina kekuatan, pembangunan negara

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat, terutama generasi baru, meningkatkan lagi kejayaan negara pada 2007 yang bermula hari ini dan dirai serentak dengan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri turut meminta masyarakat berbilang kaum supaya mengukuhkan perpaduan bagi membina kekuatan bersama dalam usaha memajukan negara.

Menyampaikan perutusan sempena sambutan Tahun Baru 2007 yang disiarkan menerusi televisyen malam tadi, beliau berkata rakyat perlu terus menyumbang dengan meningkatkan kejayaan dan kemajuan yang

“Kemampuan bangsa Malaysia hari ini jauh lebih baik berbanding generasi terdahulu kerana generasi muda kini mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih luas”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

dicapai negara selama ini.

“Kita perlu berusaha untuk menokok tambah usaha-usaha kita ini dengan lebih gigih lagi, dengan menggunakan segala kesempatan dan kemudahan yang jauh lebih baik daripada apa yang wujud sebelumnya, terutama ketika kita mula mencapai kemerdekaan,” katanya

Abdullah berkata, kemampuan bangsa Malaysia hari ini jauh lebih baik berbanding generasi terdahulu kerana generasi muda kini mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih luas.

Di kalangan mereka ialah golongan profesional, pakar serta penyelidik dalam pelbagai bidang yang sedang menyumbang kepada pembangunan negara.

“Sebenarnya golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains dan teknologi dan juga ilmu berkaitan pelbagai profesion, jauh lebih ramai dari masa dulu. Ini bermakna kemampuan kita hari ini jauh lebih besar lagi,” katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan, selain berusaha meningkatkan pembangunan negara dengan ilmu yang dimiliki, rakyat juga perlu memahami faktor yang memberi kekuatan kepada negara untuk terus menikmati kemajuan dan keamanan walaupun selepas 50 tahun merdeka.

“Kita perlu ingat bahawa perpaduan antara kaum, semangat muhibah, sikap tolak ansur, sifat bermuafakat itu amatlah penting. Kita perlu memahami dan bersyukur ke-

pada mereka yang telahpun berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan negara kita.

“Lebih penting, generasi baru perlu memahami dan mempelajari kaedah yang digunakan oleh pemimpin masa lalu dan berusaha memperbaiki pendekatan itu dengan mengambil kira keadaan dan cabaran semasa sebelum diaplikasikan,” katanya.

Abdullah berkata, pemimpin terdahulu sentiasa berganding bahu dengan pemimpin masyarakat, manakala pemimpin Barisan Nasional (BN) yang mewakili parti politik utama di negara ini sentiasa mengutamakan rakyat, bangsa dan negara dalam setiap tindakan mereka.

Kekuatan minda perkasa rakyat

DARI MUKA 1

“Muafakat dan kerjasama seperti inilah yang terjalin dalam apa dikenali sebagai perkongsian kuasa yang sudah menjadikan negara kita sebuah negara yang dihormati dan dikagumi oleh banyak orang,” katanya.

Beliau berkata, dalam mencapai kemajuan yang diharapkan, rakyat juga perlu faham saingan dari negara luar serta cabaran globalisasi dan liberalisasi yang menuntut mereka berusaha keras bagi meningkatkan kepercayaan dan kemampuan untuk bersaing.

“Keupayaan dan kemampuan kita itu mestilah datang daripada kekuatan minda, fizikal dan rohani. Kita perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang yang boleh memberi manfaat kepada diri kita.

“Ini termasuk ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi dan juga ilmu baru yang hari ini menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi seperti ICT, bioteknologi, nanoteknologi,” katanya.

Mengenai Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9), Abdullah berkata, walaupun kerajaan sudah menetapkan

kan kerangka kerja, program dan projek, ia tidak bermakna rakyat tidak boleh menokok tambah dengan projek mereka yang diyakini mampu memberi kejayaan besar.

“Yang mereka tahu mereka boleh laksanakan dengan baik dan akan membawa kejayaan kepada mereka, keluarga dan juga negara, ini mestilah dilakukan, tetapi yang pentingnya kita perlu memahami bahawa apakah rancangan kita itu menepati dengan Misi Nasional yang sudah kita tentukan,” katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan rakyat agar sentiasa bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah.

“Bagi orang Islam kita memahami bahawa jika kita bersyukur atas nikmat yang diberikan Allah SWT, maka Allah akan menambahkan lagi nikmatNya kepada kita.

Yang pentingnya kita perlu berusaha... semua rakyat Malaysia perlu berusaha untuk masa depan yang gemilang.

“Masa depan yang maju dan berjaya adalah masa depan kita... kitalah yang akan menentukannya dengan kekuatan yang kita bina bersama,” katanya sambil mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru. – Bernama

INFO

Peristiwa, pelaksanaan dasar sepanjang 2007

- Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM'07) bermula.
- Kadar cukai jalan pelbagai kenderaan bermotor dikurangkan, duti eksais kenderaan penumpang dan motosikal diselarasakan.
- Imbuan Tetap Khidmat Awam kakitangan kumpulan sokongan dinaikkan antara RM30 dan RM50 sebulan.
- Anggota tentera dan polis berpangkat rendah yang tidak mendapat kuarters menerima kenaikan elaun antara RM45 dan RM100 sebulan, dengan tunggakan daripada 1 Januari 2006.
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memulakan operasi besar-besaran membanteras penggunaan cermin gelap dan pemakaian pelekat hitam pada cermin kenderaan awam.
- Urus niaga jualan singkat terkawal/sekuriti pinjam dan meminjam (RSS/SBL) akan dilaksanakan.
- Anggota tentera menerima kenaikan Bayaran Insentif Sabah/Sarawak (BISS) dan Bayaran Insentif Semenanjung (BIS) antara RM93 dan RM430 sebulan.
- Jabatan Imigresen memperkenalkan kad pengenalan baru bagi rakyat asing, menggantikan kad sedia ada yang turut dilengkapi 17 ciri keselamatan fizikal.
- Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) mengenakan caj keselamatan RM6 bagi penumpang antarabangsa dan RM3 bagi penumpang domestik yang menggunakan lapangan terbang di negara ini.